

# Kes Al-Maunah bukti keadilan berjalan dengan baik

UM 30 DEC 2001

KUALA LUMPUR 29 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keputusan mahkamah yang menjatuhkan hukuman mati ke atas tiga orang anggota Kumpulan Al-Ma'unah dan penjara sepanjang hayat ke atas 16 anggota lain menunjukkan proses keadilan di negara ini berjalan dengan baik.

Kata Perdana Menteri, keputusan itu turut menjelaskan bahawa sistem perundangan ne-

gara yang dikuatkuasakan tidak mengira kaum atau agama.

Beliau berkata, sesiapa yang melakukan perbuatan jenayah, jika mempunyai bukti yang kukuh dan sabit kesalahan akan dihukum mengikut peruntukan undang-undang negara.

“Sistem perundangan negara kita tidak membezakan siapa yang terlibat sama ada seseorang itu pembesar atau orang biasa, sama ada dia beragama

Islam atau beragama Kristian atau Buddha.

“Mereka semuanya tertakluk kepada undang-undang yang telah dikuatkuasakan di negara ini,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk (PPP) ke 48 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Semalam. Ketua Kumpulan Al-Ma'unah; Mohd. Amin Mohd. Razali, 30, bersama dua anggotanya, Zahit Muslim dan Jamaludin Darus dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi setelah didapati bersalah atas tuduhan melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Sebanyak 16 anggota al-Ma'unah yang lain terselamat daripada hukuman mati kerana dikenakan penjara sepanjang hayat di bawah peruntukan Seksyen

121 Kanun Keseksan juga atas kesalahan yang sama.

Kes itu mencatat sejarah kerana ia merupakan kes jenayah pertama yang didakwa di bawah Seksyen 121 kanun tersebut.

Apabila ditanya oleh seorang pemberita sama ada beliau gembira dan berpuas hati dengan keputusan tersebut, Perdana Menteri berkata:

“Saya tidak kata saya gembira, saya sebenarnya tidak gembira bila seseorang dihukum mati tetapi keputusan ini perlu diterima. Ini bukan soal kegembiraan atau gurauan tetapi ia adalah persoalan keadilan yang perlu dilaksanakan.”

Dalam pada itu, beliau berkata, semua pihak termasuk dirinya perlu menerima dah akur dengan keputusan mahkamah tersebut kerana ia adalah proses keadilan.

“Ini adalah proses keadilan dan kita harus menghormati keputusan mahkamah.